

**Kerajaan Pusat digesa tambah bantuan  
Utusan Online  
November 08, 2011**

PASIR MAS 7 Nov. – Kerajaan Pusat digesa menyalurkan lebih banyak bantuan ketika musim banjir dan bukan hanya tertumpu kepada pemilik rumah yang ditenggelami air.

Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali berkata, kebanyakan penduduk di negeri ini terdiri daripada penoreh getah, petani dan nelayan yang pastinya akan terjejas ketika musim tengkujuh kerana tidak dapat keluar untuk mencari rezeki.

Beliau berkata, golongan seperti itu juga perlu diberikan bantuan bagi memastikan mereka terus dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

“Pasir Mas adalah kawasan yang akan terjejas teruk setiap kali musim tengkujuh. Sebagai contoh, salah satu kawasan dalam Parlimen ini ialah Chetok yang penduduknya bekerja sebagai penoreh getah, tukang rumah dan petani.

“Walaupun rumah mereka tidak tenggelam, mereka tidak boleh keluar cari makan,” katanya ketika ditemui semasa melawat kawasan di Parlimen Pasir Mas yang dijangka ditenggelami air ketika musim tengkujuh ini.

Sehubungan itu, katanya, Kerajaan Pusat perlu memberikan bantuan kepada golongan tersebut juga iaitu kurang sedikit berbanding mangsa banjir yang rumah mereka ditenggelami air.

“Kalau mangsa banjir diberikan beras, gula, sardin, pakaian dan selimut, mungkin golongan ini boleh diberi bantuan beras sahaja.

“Saya merayu kepada Kerajaan Pusat kerana kita tahu kerajaan Pas Kelantan tidak mampu untuk melaksanakannya, kalau hendak minta poster ceramah bolehlah daripada kerajaan Pas Kelantan,” katanya.

Kawasan yang dijangka terjejas teruk ialah Tendong dengan melibatkan 2,000 keluarga akibat limpahan air Sungai Golok dan Sungai Kelantan, diikuti Chetok dengan 500 keluarga dan 200 keluarga di Pengkalan Pasir.

Ibrahim yang juga Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) berkata, agensi yang terlibat juga perlu menyalurkan bantuan secepat mungkin tanpa menunggu sehingga keadaan menjadi lebih buruk.

“Selalunya kita menunggu sehingga keadaan menjadi teruk baru bantuan mahu diberikan. Sepatutnya kita tidak perlu tunggu lama untuk memberi bantuan kerana kebanyakan kawasan sukar untuk dihubungi apabila keadaan buruk disebabkan air deras.

“Saya juga memohon kepada Majlis Keselamatan Negara supaya menyediakan lebih banyak bot untuk kecemasan dan membantu mangsa banjir,” katanya.

Beliau turut mengingatkan penduduk negeri ini supaya tidak menjadikan banjir sebagai pesta kerana ia satunya bencana yang mungkin meragut nyawa.

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1108&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_20.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1108&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_20.htm)